2	RM15,000	RM3,000	RM3,000	RM60	RM60
3	RM2,000	RM0	RM400	RM60	RM0

Nota: Contoh di atas tidak menyeluruh.

- 3.7. Pemulangan Tunai tambahan mungkin diberikan dari semasa ke semasa dalam kempen taktikal.
 - 3.8. Pemulangan Tunai yang dikumpul oleh Ahli Kad Tambahan akan dikreditkan ke dalam akaun kad Ahli Kad Utama. Jumlah ganjaran yang dikumpulkan oleh Ahli Kad Tambahan akan dinyatakan dalam penyata bil kad kredit bulanan Ahli Kad Utama.
 - 3.9. Transaksi yang tidak sah atau terbatal tidak layak mendapat Pemulangan Tunai.
 - 3.10. Pemulangan Tunai kepada Ahli Kad oleh RHB Bank adalah muktamad.
4. Tertakluk kepada terma yang dinyatakan di dalam ini, Ahli Kad layak mendapat Mata Ganjaran menurut terma dan syarat berikut:-

- 4.1. Mata Ganjaran yang diberikan kepada Ahli Kad aktif akan sah untuk tempoh dua (2) tahun dari tahun Pemberian dan akan luput selepas itu. Mata Ganjaran yang diperolehi hanya boleh dikumpulkan dan ditukar dengan tawaran dalam katalog Pedagang Turut Serta atau RHB Bank oleh setiap Ahli Kad individu. Mata Ganjaran yang tidak ditukarkan menjelang tarikh luput hendaklah dibatalkan secara automatik. Mata Ganjaran yang luput tidak boleh ditukarkan untuk tunai atau kredit. Mata Ganjaran yang luput tidak boleh dipindah milik. Bagi Mata Ganjaran terkumpul yang telah luput, tiada pemulangan, lanjutan dan pampasan akan diberikan. Sila rujuk kepada laman web RHB di www.rhb.com.my untuk maklumat terkini/butiran Pedagang yang turut serta.
- 4.2. Program Ganjaran RHB RM1 = 2 Mata Ganjaran boleh dimanfaatkan Ahli Kad apabila mereka membayar dengan Kad seperti di bawah:
 - 4.2.1. Untuk pembelian tiket penerbangan di bawah Kod Kategori Pedagang (MCC) 3000 hingga 3299 dan 4511
 - 4.2.2. Untuk transaksi bagi pakej pelancongan daripada agensi pelancongan di bawah MCC 4722 dan 5962
 - 4.2.3. Untuk sewa kereta di bawah MCC 3351 hingga 3441
 - 4.2.4. Untuk pembelian daripada gedung bebas cukai di bawah MCC 5309
 - 4.2.5. Untuk pembelian pakej persiaran dari Malaysia.Sila rujuk laman web RHB di www.rhb.com.my untuk maklumat terkini/butiran lanjut mengenai MCC.
- 4.3. Pertukaran Ganjaran Penerbangan
 - 4.3.1. RHB Bank boleh atas budi bicara kami membatalkan dan menarik balik penyertaan dalam mana-mana Program Penerbangan Kerap dan/atau meminda kadar pertukaran yang dinyatakan dengan memberikan notis.
 - 4.3.2. Hanya Ahli Kad yang berjaya mendaftar dengan Program Penerbangan Kerap syarikat penerbangan boleh menukarkan mata Program Penerbangan Kerap.
 - 4.3.3. Sila berikan masa 60 hari bagi pertukaran dan pemindahan Ganjaran Penerbangan daripada tarikh penerimaan borang pesanan.
 - 4.3.4. Ahli Kad boleh memindahkan Mata Ganjaran daripada akaun kad Ahli Kad kepada satu atau lebih akaun Program Penerbangan Kerap di bawah nama Ahli Kad sahaja. Tiada pertukaran balik boleh dibuat selepas Mata Ganjaran berjaya ditukar dan dipindahkan kepada Program Penerbangan Kerap syarikat penerbangan yang turut serta.

- 4.3.5. Ahli Kad tertakluk dan terikat kepada terma dan syarat Program Penerbangan Kerap syarikat penerbangan berkenaan yang turut serta, yang seterusnya akan ditadbir di bawah terma dan syarat, peraturan, ketetapan, dasar dan prosedur Program Penerbangan Kerap syarikat penerbangan yang turut serta.
- 4.3.6. Bagi Pertukaran Ganjaran Penerbangan di bawah Enrich, Mata Ganjaran boleh digunakan untuk menukarkan Mata Anugerah Enrich pada kadar 3.5 Mata Ganjaran = 1 Mata Enrich. Setiap pertukaran dan permintaan pindahan hendaklah dalam gandaan 1,750 Mata Ganjaran = 500 Mata Enrich.
- 4.4. Semua Mata Ganjaran yang diberikan kepada dan diperolehi oleh Ahli Kad akan diberikan kepada akaun Kad. Ahli Kad boleh menyemak jumlah Mata Ganjaran yang terkumpul dengan:-
- 4.4.1. Menyemak baki Mata Ganjaran dalam penyata bulanan Kad Kredit Travel Money di bawah ruangan "REWARDS" (Mata Ganjaran = Rewards). Untuk mengelakkan keraguan dan pertikaian, dan walau apa pun fasal atau peruntukan selainnya, sekiranya berlaku ketidakseragaman dalam jumlah baki Mata Ganjaran yang dinyatakan atau dicetak pada resit bayaran transaksi kad kredit, penyata, terminal pembayaran atau pertukaran mana-mana gedung pedagang turut serta yang memberikan Mata Ganjaran berbanding Mata Ganjaran yang dicatatkan dalam sistem Kad Kredit RHB, baki dalam sistem kad kredit RHB akan diguna pakai setakat ketidakseragaman tersebut.
- 4.5. Pertukaran Mata Ganjaran hanya boleh dibuat oleh Ahli Kad Utama. Semua Ahli Kad yang sedia ada dan sah dikehendaki melalui proses pengenalan, penentusahan atau pengesahan dan selepas diterima oleh pegawai perkhidmatan pelanggan sebagai Ahli Kad yang sah, maka Ahli Kad tersebut dibenarkan untuk menyempurnakan pertukaran Travel Money.
- 4.6. Pedagang turut serta yang memberikan Mata Ganjaran adalah di bawah budi bicara mutlak RHB Bank. RHB Bank berhak untuk menambah, mengurangkan atau membatalkan mana-mana pedagang turut serta daripada mana-mana Program Mata Ganjaran pada bila-bila masa dengan pemberian notis.
- 4.7. Melainkan dinyatakan sebaliknya atau dibenarkan, semua pemberian Mata Ganjaran tidak boleh digunakan bersama sebarang promosi, diskaun atau baucar lain. Semua tawaran/barangan yang ditukarkan tertakluk kepada terma dan syarat RHB Bank.

- 4.8. Dalam menentukan jumlah yang dibayar untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan untuk tujuan pengiraan Mata Ganjaran, pembelian petrol, yuran keahlian kad tahunan, faedah, caj lewat bayar, GST, pendahuluan tunai, serta yuran dan caj lain, tidak akan diambil kira dengan syarat dalam segala hal bahawa RHB Bank berhak, atas budi bicara mutlaknyanya, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan pemberian notis, mengambil kira sebarang transaksi atau caj atau pembelian kad dalam pengiraan Mata Ganjaran.
- 4.9. Tukaran hanya boleh dibuat apabila pengenalan Ahli Kad ditentusahkan oleh RHB Bank menurut terma dan syarat ini atau Perjanjian Rakan Pedagang.
 - 4.9.1. RHB Bank boleh meminta Ahli Kad mengemukakan Kad mereka yang sah atau butir-butir pengenalan sebelum memproses sebarang pertukaran.
 - 4.9.2. RHB Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tukaran atau sebarang transaksi lain yang tidak sah membabitkan Mata Ganjaran, yang timbul dengan apa cara sekalipun (sungguhpun jika Ahli Kad memaklumkan RHB Bank bahawa Kad telah hilang atau dicuri).
 - 4.9.3. Bagi Rakan Pedagang tertentu (sebagaimana yang boleh ditentukan dari semasa ke semasa oleh RHB Bank atau Rakan Pedagang), Ahli Kad memperakui atau mempersetujui bahawa sebarang tukaran oleh Ahli Kad hendaklah dibuat sepenuhnya (dan tukaran sebahagian tidak dibenarkan).
 - 4.9.4. Mata Ganjaran yang diberikan sah untuk 2 tahun dari tarikh Mata Ganjaran diberi dan akan luput dan tidak lagi sah selepas tamat tempoh tersebut. Semua atau sebarang surat-menyurat berkaitan Mata Ganjaran yang telah luput tidak akan dilayan.
- 4.10. Mata Ganjaran dan semua mata lain yang diberikan oleh RHB Bank adalah tidak sah selepas Kad dibatalkan. Untuk mengelakkan keraguan, Ahli Kad tidak layak mendapat sebarang pampasan bagi pembatalan sedemikian.
- 4.11. Tukaran tidak dibenarkan selepas pembatalan Kad atau semasa status Kad tidak aktif sebagaimana ditentukan oleh RHB Bank.
- 4.12. Tertakluk kepada Fasal 4.8, Program Ganjaran RHB RM1 = 1 Mata Ganjaran akan diberi kepada Ahli Kad apabila mereka berbelanja dengan Kad. Tertakluk kepada terma dan syarat semua program ganjaran.
5. Tertakluk kepada terma di dalam ini, Ahli Kad akan layak menikmati kadar istimewa menurut terma dan syarat berikut:-
 - 5.1. Ahli Kad akan layak menikmati kadar istimewa di Biro Pertukaran Wang RHB untuk tukaran mata wang asing utama.

6. Tertakluk kepada terma di dalam ini, Ahli Kad akan layak untuk insurans kereta/motor RHB mengikut terma dan syarat berikut:-
 - 6.1. Ahli Kad layak menerima diskaun premium sepuluh peratus (10%) apabila Ahli Kad membeli atau memperbaharui insurans kereta/motor dengan RHB Insurance Bhd.
 - 6.2. Ahli Kad mesti bersetuju untuk membenarkan RHB Insurance Bhd untuk mengeluarkan nota e supaya layak untuk mendapat diskaun premium Sepuluh peratus (10%) ke atas insurans kereta/motor.
 - 6.3. Permohonan daripada Ahli Kad tertakluk kepada penerimaan oleh RHB Insurance Bhd.
 - 6.4. Untuk sebarang pertanyaan atau pembelian atau pembaharuan insurans kereta/motor, sila hubungi RHB Insurance Bhd, Customer Relationship Centre (CRC) Department (pada waktu pejabat) di Talian Tanpa Tol 1300-22-0007.
7. Pemulangan Tunai yang diberi kepada Ahli Kad untuk transaksi yang dibuat di bawah Program Pemulangan Tunai adalah sebagai ganti Mata Ganjaran yang biasanya diberikan dengan Kad melainkan dinyatakan sebaliknya.
8. Ahli Kad layak mendapat ganjaran pengaktifan kad menerusi sebarang pembelian runcit (tidak termasuk pendahuluan tunai, pindahan baki, yuran dan caj) pada 45 hari pertama dari tarikh kelulusan Kad oleh RHB Bank, yang melayakkan Ahli Kad untuk mendapat 2,000 mata ganjaran.
9. Pelbagai program ganjaran boleh disertai oleh Ahli Kad Utama dan Kad Tambahan yang mempunyai akaun aktif dan baik, tidak disekat, dibatalkan atau ditamatkan oleh RHB Bank.
10. Pelbagai program ganjaran yang disediakan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau kredit dan tidak boleh dipindah milik. Pelbagai program ganjaran yang disediakan kepada Ahli Kad tidak boleh saling ditukar atau dipindah milik dan tidak boleh digunakan sebagai gantian satu sama lain untuk tujuan pertukaran.
11. Tanpa menjejaskan keluasan makna fasal di atas dalam terma dan syarat ini, jika mana-mana satu atau lebih kejadian berikut berlaku:
 - 11.1. Ahli Kad menyalahgunakan Program dengan apa jua cara; atau
 - 11.2. Ahli Kad melakukan penipuan atau menyalah nyata sebarang maklumat yang telah diberikan atau yang akan diberikan oleh Ahli Kad.

Maka RHB Bank berhak membatalkan semua hak yang diberikan kepada Ahli Kad di bawah Kad.

12. Keputusan RHB Bank adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat yang mempertikaikan keputusan RHB Bank tidak akan dilayan.
13. RHB Bank berhak pada bila-bila masa untuk menambah, menggugurkan, mengubahsuai, atau meminda mana-mana terma dan syarat ini dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuatkuasa. Atas budi bicara RHB Bank, notis tentang penambahan atau perubahan atau pindaan tersebut boleh dilaksanakan dengan:
 - 13.1. Memaparkan notis berkenaan di premis Bank atau pejabat cawangannya atau mengeposkan notis kepada Ahli Kad; atau
 - 13.2. Menghantar notis berkenaan menerusi SMS atau mel elektronik kepada Ahli Kad atau dengan memuat masuk notis yang sama pada laman web RHB Bank.

Perubahan sedemikian akan diguna pakai pada tarikh kuat kuasa yang ditetapkan oleh RHB Bank dan akan diguna pakai bagi semua baki belum jelas dalam Akaun MasterCard/Visa. Penyimpanan atau penggunaan Kad selepas tarikh kuatkuasa sebarang perubahan terma dan syarat hendaklah dianggap sebagai penerimaan perubahan tersebut tanpa sebarang keraguan oleh Pemegang Kad.

14. RHB Bank tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap Ahli Kad atas kesulitan, kehilangan atau kerosakan atau rasa malu yang ditanggung oleh Ahli Kad akibat, tetapi tidak terhad kepada: a) sebarang kerosakan, kecacatan atau kesilapan mana-mana terminal, atau mesin, atau sistem pengesahan lain, walau apa pun puncanya; atau b) sebarang penolakan Kad atau PIN oleh mana-mana terminal di kedai Rakan Pedagang atau sebarang kegagalan untuk melaksanakan atau menyempurnakan sebarang transaksi walau apa pun puncanya; atau c) kelewatan atau ketidakupayaan RHB Bank untuk menunaikan sebarang tanggungjawabnya menurut Perjanjian ini disebabkan sebarang kerosakan atau kegagalan elektronik, sistem mekanikal, pemprosesan data atau telekomunikasi, atau sebarang kejadian di luar kawalannya atau kawalan mana-mana Rakan Pedagang; atau d) sebarang kelewatan, ketidakupayaan atau keengganan Rakan Pedagang untuk menunaikan sebarang tanggungjawab mereka menurut perjanjian Rakan Pedagang atas apa jua sebab sekalipun.
15. Terma dan syarat yang berkaitan yang diutarakan di dalam ini adalah betul dan diguna pakai pada masa percetakan. Sila rujuk kepada laman web RHB di www.rhb.com.my untuk sebarang maklumat terkini mengenai kad.

**KAD KREDIT RHB TRAVEL MONEY
PERLINDUNGAN INSURANS KEMALANGAN PERJALANAN
TERMA DAN SYARAT**

Sijil Insurans

Pihak Dilindungi:

Seseorang itu akan hanya menjadi Pihak Yang Dilindungi di bawah Polisi Induk No. **D01ATCC8506929KL** jika: -

1. Beliau adalah:
 - a) Pemegang Kad Travel Money yang dikeluarkan oleh RHB Bank di bawah nama beliau, atau
 - b) Pasangan atau anak tanggungan yang berumur di bawah 23 tahun untuk seseorang yang layak seperti yang diterangkan di dalam (a) di atas; dan
2. Kad Travel Money beliau dibilkan daripada Malaysia.

A. Insurans Kemalangan Perjalanan

AMAUN FAEDAH

Kehilangan Nyawa / Kecacatan Keseluruhan Kekal	RM600,000
Kehilangan Kedua-dua Tangan atau Kedua-dua Kaki	RM600,000
Kehilangan Sebelah Tangan dan Sebelah Kaki	RM600,000
Kehilangan Keseluruhan Penglihatan bagi Kedua-dua Mata	RM600,000
Kehilangan keseluruhan bagi Sebelah Mata, Sebelah Tangan atau Sebelah Kaki	RM600,000
Kehilangan Sebelah Tangan atau Sebelah Kaki	RM300,000
Kehilangan Keseluruhan Penglihatan bagi Sebelah Mata	RM300,000

KAD TRAVEL MONEY

RM600,000
RM600,000
RM600,000
RM600,000
RM600,000
RM300,000
RM300,000

Pihak Syarikat akan membayar faedah berkenaan jika Pihak Dilindungi mengalami sesuatu kehilangan akibat daripada sesuatu kecederaan semasa perlindungan masih berkuatkuasa di bawah Polisi, tetapi hanya jika sesuatu kehilangan itu berlaku dalam masa 100 hari selepas tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan itu berlaku. Faedah akan dibayar bagi kehilangan yang paling besar. Pihak syarikat, dalam apa-apa keadaan pun, tidak akan membayar lebih daripada satu kehilangan akibat sebarang kemalangan yang dialami oleh Pihak Dilindungi.

“Kecederaan” bermakna kecederaan tubuh badan yang:-

1. Disebabkan oleh sesuatu kemalangan yang berlaku semasa insurans Pihak Dilindungi masih berkuatkuasa di bawah polisi; dan
2. mengakibatkan kehilangan yang diinsuranskan oleh polisi, dan
3. mewujudkan sesuatu Kehilangan akibat kecederaan tubuh badan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh kesemua sebab-sebab lain.

“Kecacatan Keseluruhan Kekal” seperti yang digunakan di atas bermakna bahawa Pihak Dilindungi itu cacat seluruhnya dan kekal dan ianya menghalang beliau daripada terlibat di dalam sesuatu dan setiap pekerjaan penggajian untuk pampasan atau keuntungan yang mana beliau layak disebabkan oleh pendidikan, latihan atau pengalaman beliau, dengan syarat kecacatan tersebut telah berterusan untuk tempoh dua belas bulan berturut-turut dan ianya adalah keseluruhan, berterusan dan kekal semasa tempoh itu berakhir.

“Kehilangan” seperti yang digunakan di atas yang merujuk kepada tangan atau kaki, bermakna pemutusan yang lengkap dan kekal melalui atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan buku lali dan, seperti yang digunakan yang merujuk kepada mata, bermakna penglihatan bagi mata yang tidak dapat dipulihkan.

Dua atau lebih Kad RHB Travel Money tidak akan dalam apa jua keadaan pun menyebabkan obligasi Pihak Syarikat melebihi amaun perlu dibayar paling tinggi di bawah satu Kad tersebut, seperti yang termaktub dalam “Amaun Faedah”, untuk sebarang kehilangan yang dialami oleh seorang individu yang dilindungi akibat daripada satu kemalangan.

PENERANGAN FAEDAH-FAEDAH

FAEDAH PENGANGKUTAN AWAM

Faedah ini perlu dibayar jika Pihak Dilindungi mengalami kecederaan yang disebabkan oleh:-

- a) kemalangan yang berlaku semasa menjadi penumpang atau menaiki atau keluar daripada Pengangkutan Awam” untuk perjalanan yang dilindungi; atau
- b) dilanggar oleh sesuatu Pengangkutan Awam.

Pengangkutan Awam bermaksud syarikat penerbangan berjadual yang dilesenkan untuk membawa penumpang yang membayar sewa.

Sebuah perjalanan itu dikira Perjalanan yang Dilindungi jika:

1. ia merupakan perjalanan oleh Pihak Dilindungi diantara tempat berlepas dan destinasi terakhir seperti yang tertera pada tiket Pihak Dilindungi itu; dan
2. tambang tiket Pihak Dilindungi untuk perjalanan itu telah dicajkan kepada Kad RHB Travel Money sebelum berlakunya sebarang kecederaan.

Syarat Perlindungan:

Pihak Dilindungi akan diinsuranskan sepenuhnya untuk faedah-faedah di bawah polisi ini semasa mengikuti satu perjalanan di dalam Pengangkutan Awam hanya apabila keseluruhan tambang telah dicajkan kepada Kad RHB Travel Money.

PENGEQUALIAN

Polisi ini tidak melindungi sebarang kerugian yang disebabkan atau diakibatkan oleh (1) perbuatan bunuh diri atau kemusnahan diri atau sebarang ancaman perbuatan tersebut, sewaktu waras; (2) peperangan atau sebarang tindakan peperangan samada peperangan diisytiharkan atau tidak; (3) kecederaan yang disebabkan oleh perbuatan, atau percubaan untuk melakukan, perkara yang menyalahi undang-undang oleh pihak yang dilindungi atau bagi pihaknya dan/atau penerima faedah beliau; (4) cedera ketika berkhidmat sebagai pengendali atau ahli krew di dalam sebarang pengangkutan, atau (5) cedera akibat memandu, semasa menjadi penumpang, semasa menaiki atau keluar daripada kenderaan yang disewa.

Pembayaran Faedah-faedah: Faedah-faedah untuk kehilangan nyawa oleh pihak yang dilindungi akan dibayar kepada waris beliau. Faedah-faedah untuk lain-lain kerugian yang dialami oleh Pihak Dilindungi akan dibayar kepada Pihak Dilindungi tersebut, jika masih hidup, sebaliknya akan dibayar kepada waris beliau.

TUNTUTAN

Tuntutan secara bertulis perlu diserahkan kepada RHB Insurance Bhd, Level 12, The West Wing, The Icon, No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak. 55000 Kuala Lumpur, Malaysia, dalam tempoh dua puluh satu (21) hari sebaik berlakunya atau bermulanya kerugian yang dilindungi oleh Polisi ini, atau secepat yang mungkin. Faedah-faedah akan dibayar sebaik sahaja bukti-bukti bertulis untuk kerugian yang dilindungi ini diterima. Faedah-faedah yang dinyatakan disini adalah tertakluk kepada semua terma dan syarat-syarat Polisi ini yang disimpan oleh RHB Bank Card Centre.

B. Kelewatan Penerbangan, Pembatalan atau Larangan Menaiki Pesawat, Ketinggalan Penerbangan Sambungan, Kelewatan Bagasi, Kehilangan Bagasi

PERLINDUNGAN

1. Kelewatan Penerbangan, Pembatalan atau Larangan Menaiki Pesawat

Sekiranya pelepasan penerbangan berjadual yang disahkan untuk Pihak Dilindungi terlewat selama empat (4) jam atau lebih, atau dibatalkan atau Pihak Dilindungi tidak dibenarkan menaiki pesawat disebabkan terlebih tempahan dan tiada pengangkutan alternatif disediakan untuk Pihak Dilindungi dalam tempoh empat (4) jam daripada tempoh berlepas mengikut jadual penerbangan itu, Pihak Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Pihak Dilindungi tersebut untuk caj-caj Kad RHB Travel Money berkaitan dengan penginapan hotel dan makan di restoran atau makanan ringan sehingga RM500 untuk Kad RHB Travel Money berkenaan dan RM500 untuk ahli keluarga Pihak Dilindungi dimana tambang mereka telah dicajkan kepada Akaun Kad RHB Travel Money berkenaan atau jumlah maksima RM800 untuk kedua-dua pemegang Kad RHB Travel Money yang dilindungi dan ahli keluarga yang dilindungi berkenaan.

2. Ketinggalan Penerbangan Sambungan

Jika Pihak Dilindungi ketinggalan penerbangan sambungan terus berjadual yang telah disahkan, disebabkan Pihak Dilindungi lambat tiba untuk meneruskan sambungan penerbangan berjadualnya dan tiada pengangkutan sambungan alternatif disediakan untuk Pihak Dilindungi dalam tempoh empat (4) jam daripada waktu asal penerbangan beliau, Pihak Syarikat akan menanggung Pihak Dilindungi tersebut untuk caj-caj Kad RHB Travel Money berkaitan dengan penginapan hotel dan makan di restoran atau makanan ringan sehingga RM500 untuk Kad RHB Travel Money berkenaan dan RM500 untuk ahli keluarga Pihak Dilindungi dimana tambang mereka telah dicajkan kepada Akaun Kad RHB Travel Money berkenaan atau jumlah maksima RM800 untuk kedua-dua pemegang Kad RHB Travel Money yang dilindungi dan ahli keluarga yang dilindungi berkenaan.

3. Kelewatan Bagasi

Jika bagasi Pihak Dilindungi tidak dihantar kepada beliau dalam tempoh enam (6) jam setelah ketibaan Pihak Dilindungi ke destinasi yang dijadualkan oleh penerbangan beliau, Pihak Syarikat akan menanggung Pihak Dilindungi untuk caj-caj yang dibuat melalui Kad RHB Travel Money di destinasi tersebut untuk pembelian kecemasan keperluan pakaian dan keperluan asas sehingga RM500 untuk pemegang Kad RHB Travel Money berkenaan dan RM500 untuk ahli keluarga beliau yang dilindungi dimana tambang mereka juga telah dicajkan kepada Akaun Kad RHB Travel Money berkenaan atau jumlah maksima RM800 untuk pemegang Kad RHB Travel Money yang dilindungi dan ahli keluarga yang dilindungi berkenaan.

4. Kehilangan Bagasi

Jika bagasi Pihak Dilindungi tidak dihantar kepada beliau dalam tempoh dua puluh empat (24) jam setelah ketibaan Pihak Dilindungi ke destinasi yang dijadualkan oleh penerbangan beliau, bagasi tersebut akan dianggap sebagai hilang secara kekal dan Pihak Syarikat akan menanggung Pihak Dilindungi bagi caj-caj yang dibuat melalui Kad RHB Travel Money dalam tempoh tiga (3) hari daripada tempoh ketibaan beliau ke destinasi yang dijadualkan berkaitan dengan pembelian kecemasan keperluan pakaian dan keperluan asas sehingga RM1,000 untuk pemegang Kad RHB Travel Money berkenaan dan RM1,000 untuk ahli keluarga beliau yang dilindungi dimana tambang mereka juga telah dicajkan kepada Akaun Kad RHB Travel Money berkenaan atau jumlah maksima RM2,000 untuk pemegang Kad RHB Travel Money yang dilindungi dan ahli keluarga yang dilindungi berkenaan.

PENERBANGAN BERJADUAL

“Penerbangan Berjadual” bermaksud penerbangan di dalam pesawat udara di mana syarikat penerbangan itu tersenarai di dalam Petunjuk Penerbangan Rasmi atau Petunjuk Laluan Udara Sedunia ABC di mana syarikat penerbangan itu mempunyai Sijil, Lesen atau Pemberian kuasa sepertinya untuk pengangkutan udara berjadual yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan di dalam negara di mana pesawat udara itu didaftarkan dan menurut kuasa tersebut, menyimpan dan mengeluarkan jadual dan tariff untuk perkhidmatan penumpang di antara lapangan terbang yang dinamakan pada waktu yang tepat dan kerap.

PENGECUALIAN

Polisi ini tidak melindungi sebarang kerugian yang disebabkan atau diakibatkan oleh:

1. Peperangan atau sebarang tindakan peperangan samada peperangan diisytiharkan atau tidak.
2. Sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang oleh pihak yang dilindungi atau bagi pihaknya dan/atau penerima faedah beliau.
3. Ketika berkhidmat sebagai pengendali atau ahli krew di dalam sebarang pengangkutan.
4. Disita atau dirampas oleh Kastam atau lain-lain pihak berkuasa Kerajaan.
5. Kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sepatutnya bagi menyimpan atau menyelamatkan bagasi yang hilang.
6. Kegagalan untuk memaklumkan kepada pihak berkuasa penerbangan berkaitan tentang kehilangan bagasi di destinasi dan mendapatkan serta melengkapkan Laporan Harta Di luar Aturan (“Property Irregularity Report”).

TUNTUTAN

1. Segala maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Pihak Syarikat atau ejen-ejennya perlu diserahkan atas perbelanjaan Pihak Dilindungi atau wakil peribadinya dan ianya perlulah di dalam format atau keadaan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Syarikat.
2. Tuntutan secara bertulis perlu diserahkan oleh atau bagi pihak Pihak Dilindungi dalam tempoh dua puluh satu (21) hari, atau secepat yang mungkin, sebaik berlakunya perkara yang menimbulkan tuntutan, kepada RHB Insurance Bhd, Level 12, The West Wing, The Icon, No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak. 55000 Kuala Lumpur, Malaysia.
3. Maklumat-maklumat berikut perlu diserahkan kepada RHB Insurance Bhd bersama-sama salinan borang-borang Caj Rekod yang berkaitan dengan perbelanjaan yang merujuk kepada indemniti yang dituntut dibawah insurans ini, borang caj rekod yang mengesahkan tiket-tiket penerbangan berkaitan telah dicajkan kepada Akaun Kad RHB Travel Money dan, berkaitan dengan kehilangan atau kelewatan bagasi, Laporan Harta Di luar Aturan (“Property Irregularity Report”) yang diperolehi daripada syarikat penerbangan:- maklumat penerbangan lengkap (Nombor Penerbangan, Lapangan Terbang Berlepas, Destinasi, Masa Dijadual, Lapangan Terbang Ketibaan, dll.)
Maklumat lengkap tentang kelewatan atau kehilangan yang berlaku.
Maklumat lengkap perbelanjaan dimana pembayaran balik adalah dituntut.
4. Faedah-faedah perlu dibayar dibawah insurans ini yang berkaitan dengan tuntutan yang disahkan akan dikreditkan ke dalam Akaun Kad RHB Travel Money pihak yang dilindungi.

INDEMNITI MAKSIMA

Dua atau lebih Kad RHB Travel Money tidak akan menyebabkan obligasi kepada Syarikat melebihi tahap yang dinyatakan didalam ini untuk perbelanjaan oleh mana-mana Pihak Dilindungi individu akibat alah satu insiden yang dilindungi oleh Polisi ini.

TAHAP AGREGAT INDEMNITI

Tahap Agregat Maksima Indemniti kami yang berkaitan dengan semua Pihak Dilindungi yang membuat perjalanan di dalam sebuah pesawat udara atau kenderaan pengangkutan darat atau kapal laut tidak akan melebihi RM10,000,000.00 atau amaun agregat indemniti perlu dibayar berkaitan Pihak Dilindungi, yang mana lebih rendah dan tidak boleh melebihi RM10,000,000.00 untuk setiap kejadian/peristiwa.

Di dalam keadaan di mana tahap indemniti bagi seseorang tidak mencukupi untuk membayar jumlah perlu dibayar untuk setiap Pihak Dilindungi, maka amaun perlu dibayar tersebut untuk setiap Pihak Dilindungi ialah dalam perkadaran bahawa tahap indemniti untuk sebarang kemalangan ialah berkaitan dengan jumlah amaun insurans yang sepatutnya perlu dibayar kecuali untuk tahap indemniti tersebut.